

## **AWER cadang operator air dikawal di bawah WSIA**

KUALA LUMPUR 5 Jan. – Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) mencadangkan agar semua operator air dikawal di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA).

Presidennya S. Piarapakaran berkata langkah ini akan membolehkan pencapaian Indeks Pencapaian Utama (KPI) dan Pelan Pengurangan Air Tanpa Hasil Negara (NRW) diadakan untuk mencapai paras 20 peratus NRW pada 2020.

"KPI mestilah juga untuk pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi memastikan pelan ini disediakan untuk seluruh negara.

"Tidak guna ada agensi-agensi pusat yang menyalurkan kerja ini kepada operator air dan tunggu keputusan tanpa perancangan teratur," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata pelan tindakan hendaklah menetapkan sasaran terperinci untuk setiap negeri dengan jangka masa yang ditetapkan, kritikal identiti, kritikal kecil dan bidang bukan kritikal, garis panduan teknikal terperinci, Perbelanjaan Modal Ketat (Capex) dan Audit Perbelanjaan Operasi (Opex) untuk pelan pengurangan NRW dan orang ramai boleh memberikan pandangan mengenai pelan tindakan.

Piarapakaran juga berkata AWER tetap dengan sasaran 20 peratus paras NRW menjelang 2020 sebagai indikator nasional untuk industri air yang disasarkan pada tahun lepas. - BERNAMA

Source:[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0105&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_21.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0105&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_21.htm)